

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Thursday, September 19, 2019 12:22 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Jalan Yang Kalsom Rangkul Anugerah Pelakon Lelaki Terbaik



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

19 SEPTEMBER 2019 / 19 MUHARAM 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Pusat Budaya dan Seni

JALAN YANG KALSOM RANGKUL ANUGERAH PELAKON LELAKI TERBAIK



UUM ONLINE: Universiti Utara Malaysia (UUM) melalui Kelab Teater Warna, Pusat Budaya dan Seni (PBS) berjaya merangkul Anugerah Pelakon Lelaki Terbaik sempena Festival Teater Negeri Kedah yang berlangsung baru-baru ini di Jabatan Kebudayaan Kesenian Negara Kedah (JKKN).

Anugerah tersebut dirangkul oleh Faiz Fadzil pelajar semester tiga jurusan Perakaunan (Sistem Maklumat) dalam pementasan teater bertajuk Jalan Yang Kalsom.

Faiz yang juga merupakan pengerusi Kelab Teater Warna memegang watak sebagai Meor dibantu oleh seramai 25 orang krew produksi.

"Perasaan saya bercampur aduk, saya rasa bersyukur, terkejut, gembira dan sehingga sekarang masih tidak percaya apabila pengacara majlis mengumumkan bahawa saya pemenang Pelakon Lelaki Terbaik kerana saingan untuk menjulang anugerah tersebut begitu sengit

“Saya berharap anugerah yang diperoleh ini akan menjadi pembakar semangat untuk saya terus berkecimpung secara meluas dalam dunia teater dan dapat menghasilkan karya saya sendiri untuk PBS secara amnya dan khususnya untuk Teater Warna ini,” katanya.

Sementara itu menurut Pengarah Teater, Syafiq Ziazan, kemenangan ini adalah hadiah kepada semua penggiat teater Kelab Teater Warna terutamanya kepada krew pementasan Jalan Yang Kalsom yang telah bertungkus lumus sejak sebelum semester bermula lagi.

Teater ini menceritakan tentang seorang penulis bernama Meor yang membayangkan dirinya sendiri di dalam skrip ciptaanya yang bertajuk Jalan Yang Kalsom. Konflik mulai berlaku dan keadaan menjadi parah apabila beliau diganggu dan dihantui oleh watak-watak dan fiksi penulisannya.

Antara pelakon-pelakon Teater Jalan Yang Kalsom ialah Nisa Hanis sebagai Kamariah, Wawa Jofri sebagai Latifah, Farahain Ozlan sebagai Kamalia, Afzan Nasir sebagai Mei Ling, dan Irfan Isyraf sebagai Megat Dewa.

Festival Teater Negeri Kedah melabuhkan tirainya pada 17 September dan telah dirasmikan oleh Exco Pelancongan, Seni dan Budaya Negeri Kedah, Yang Berhormat Mohd Asmirul Anuar Aris.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.